

Habib Jewels prihatin bantu Zoo Negara

BH 20 | 2 | 2021 | m | s 178

Kuala Lumpur: Habib Jewels menyerahkan sumbangan RM100,000 kepada Zoo Negara dalam usaha membantu kelangsungan haiwan di situ.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Habib, Datuk Seri Meer Habib, berkata sumbangan itu adalah hasil daripada penjualan kepingan emas 999 edisi terhad bermotifkan enam haiwan ikonik Zoo Negara bernilai RM118 sekeping.

Katanya, setakat ini lebih daripada 7,000 kepingan emas 999 itu sudah berjaya terjual dan sebahagian hasil daripada pembelian itu akan disumbangkan kepada Zoo Negara sebagai satu daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) Habib Jewels.

"Malah, lebih unik lagi pembelian kepingan emas mendorong lebih ramai orang menjadikan ia hadiah berbanding pemberian wang tunai.

"Pendedahan ini secara tidak langsung mendidik generasi muda mengenai emas dan nilai-

di pasaran agak tidak stabil dan orang ramai mula memberi perhatian dan menjadikan ia pilihan sebagai pelaburan masa kini.

"Orang ramai mula menjadikannya koleksi terhad ini sebagai bentuk simpanan dan peningkatan ini dilihat meningkat sebanyak dua kali ganda," katanya.

Sementara itu, Rosly berkata, pihaknya bersyukur dengan bantuan RM100,000 Habib Jewels terhadap Zoo Negara mandangkan ketika ini tiada sebarang kutipan dapat dilakukan menerusi kedatangan pengunjung.

"Bantuan ini secara tidak langsung juga dapat membantu untuk merawat haiwan yang kurang sihat, selain dari segi lain.

"Ketika ini memang kami memerlukan bantuan dana daripada syarikat korporat dan sebagainya kerana sumbangan dana yang ada hanya mampu dapat menampung sehingga Mei ini," katanya.



Meer Habib bersama Francisca menunjukkan kepingan emas 999 edisi terhad bermotifkan haiwan ikonik Zoo Negara. (Foto Aswadi Alias/BH)

nya selain memupuk kasih sayang kepada haiwan yang semakin terancam," katanya ketika majlis penyerahan sumbangan berkenaan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Eksekutif Kumpulan Habib, Datin Seri Zarida Noordin; Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly@Rahmat Ahmat Lana dan Miss Universe Malaysia 2021, Francisca Luhong.

Beliau berkata, sepanjang pandemik ini juga, harga emas